

06 JUL 1996

Mahathir-Anwar

KEMASUKAN TENGGU RAZALEIGH BUKAN UNTUK IMBANGI PENGARUH ANWAR

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyangkal dakwaan kononnya beliau ingin Tengku Razaleigh Hamzah kembali ke pangkuan Umno untuk mengimbangi pengaruh Datuk Seri Anwar Ibrahim di dalam parti dan kerajaan.

"Saya tidak berniat menggantikan Datuk Seri Anwar sebagai Timbalan Presiden Umno atau menafikan haknya untuk menjadi Perdana Menteri apabila saya bersara kelak," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi parti di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Katanya pendirian tegas itu perlu dibuat berikutan ada pendapat kononnya beliau ingin Tengku Razaleigh, yang juga Presiden Parti Melayu Semangat 46, menyertai Umno kerana mahu mengimbangi, melemahkan dan menghilangkan pengaruh Anwar di dalam parti dan kerajaan.

"Jadi kemasukan Tengku Razaleigh tidak ada kaitan sama sekali dengan perkara ini dan saya juga berharap Tengku Razaleigh tidak percaya tujuan saya menerimanya kerana saya nak imbangi kedudukan Datuk Seri Anwar," katanya.

Dr Mahathir berkata hubungan beliau dengan Timbalan Perdana Menteri Anwar, bukan sahaja amat baik malah boleh disifatkan sebagai terbaik kerana mereka hampir setiap hari bertemu dan berbincang mengenai pelbagai perkara parti dan kerajaan.

"Saya menyokong penuh timbalan saya dan peranannya dan saya yakin apabila saya berhenti esok, timbalan saya akan ambil alih mengikut tradisi Umno," katanya.

Perdana Menteri berkata pendapat kononnya kemasukan Tengku Razaleigh bertujuan untuk mengimbangi kedudukan Anwar bukan sahaja dilaporkan oleh media asing malahan terdapat juga "cakap-cakap" seperti itu di kalangan anggota Umno dan S46.

Ketika ditanya sama ada laporan media asing itu mungkin berpunca daripada hakikat bahawa sudah dua timbalannya sebelum ini meletakkan jawatan, beliau berkata : "Itu bukan salah saya."

Katanya Tan Sri Musa Hitam meletakkan jawatan atas kehendak sendiri manakala Tun Ghafar Baba pula disebabkan ada pertandingan di dalam parti.

"Datuk Musa (sekarang Tan Sri) yang berhajat untuk berhenti. Apa saya nak buat, dia yang minta sendiri. Tun Ghafar ada pertandingan dan saya nak tahan tak boleh. Jadi bukan saya yang buat (mereka) berhenti," katanya. --
BERNAMA.

AH RON